

22 MAR 1996

Rahim - Wawasan

PDRM TERUSKAN PEMODENAN DENGAN PENERAPAN NILAI TIMUR

KUALA LUMPUR, 22 Mac (Bernama) -- Polis Diraja Malaysia (PDRM) akan meneruskan pemodenan di samping menekankan penerapan nilai Timur dalam masyarakat, kata Ketua Polis Negara Tan Sri Abdul Rahim Noor.

Katanya, polis mendukung wawasan melahirkan "masyarakat berkasih sayang" melalui penerapan nilai Timur, kerana ia menjamin keamanan di samping dapat memupuk sifat malu dan menghormati undang-undang.

"Keghairahan mengejarkan kemajuan teknologi dan material akan meruntuhkan nilai asas masyarakat seperti di negara maju hingga menyebabkan peningkatan kadar jenayah," katanya ketika ditemui pemberita bagi ulasan mengenai Wawasan Polis sempena sambutan Peringatan Hari Polis ke-189 pada 28 Mac.

Katanya, Wawasan Polis seiring dengan wawasan negara bagi pembentukan bangsa Malaysia dengan menekankan bahawa kemajuan material perlu diseimbangkan dengan semangat rohaniah.

Beliau merujuk kepada beberapa negara maju yang pada dasarnya maju dari segi teknologi serta kebendaan tetapi mengalami keruntuhan institusi keluarga akibat keruntuhan nilai-nilai asasnya.

Sehubungan itu, polis akan memperlengkapkan pasukan dengan teknologi terkini termasuk alat-alat perhubungan agar dapat meningkatkan kecekapan dan keberkesanan serta meninggikan tahap profesionalisme.

Beliau memberi contoh laporan polis yang selama ini dibuat secara manual seharusnya diperkemaskan dengan penggunaan teknologi "on-line".

Sebelum itu, Timbalan Pengarah Pengurusan PDRM, SAC II Syed Abdul Rahman Syed Abdul Kadir berkata acara utama sambutan Peringatan Hari Polis ialah tabik hormat Perbarisan Diraja oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan upacara anugerah Pingat Darjah Kepahlawanan Polis. nya, sambutan itu dinamakan Peringatan Hari Polis.

Katanya, peringatan Hari Polis menggantikan Perayaan Hari Polis yang biasa digunakan sebelum ini berdasarkan cadangan dan persetujuan Ketua Polis Negara.

Sempena sambutan itu, dua buah lagu baru PDRM, "Sang Saka Biru" dan "Amalan Kita" akan diperkenalkan

Lagu "Sang Saka Biru" ciptaan DSP Abu Bakar Long dan liriknya ditulis Tan Sri Rahim dipilih oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, katanya.

-- BERNAMA

LES FAZ